



31 Mei 2019
31 May 2019
P.U. (A) 158

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN
(PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN) (PINDAAN) 2019

*TOURISM INDUSTRY (TOUR OPERATING BUSINESS AND
TRAVEL AGENCY BUSINESS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN (PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN) (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) (Pindaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2019.

Penggantian peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [*P.U. (A) 333/1992*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 2 dengan peraturan yang berikut:

“Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“umrah” ertinya menziarahi *Baitullahilharam*, mengerjakan *tawaf*, *sa’i* dan perbuatan-perbuatan berkaitan yang lain;

“ziarah” ertinya perjalanan ke tempat-tempat yang dinyatakan dalam pakej umrah atau ziarah, yang dibuat sebelum atau selepas mengerjakan umrah;”.

Pindaan peraturan 5

3. Subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri selain umrah atau ziarah;”;

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah;”;

(c) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) perniagaan agensi pengembaraan;” dan

(d) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “(b)” perkataan “, (ba)”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(ga) pemegang lesen hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya bagi kelulusan untuk melantik mana-mana orang yang bukan daripada kalangan kakitangannya untuk mempromosi pakej pelancongan yang ditawarkan oleh pemegang lesen dan hendaklah

membayar fi pemprosesan sebanyak lima puluh ringgit bagi permohonan sedemikian bagi setiap orang;”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (l) dengan perenggan yang berikut:

“(l) pemegang lesen tidak boleh mempamerkan atau menyebabkan atau membenarkan dipamerkan apa-apa iklan—

(i) yang mengelirukan orang awam;

(ii) yang mengelirukan berhubung dengan imej negara; dan

(iii) yang mencemarkan imej negara;” dan

(iii) dalam perenggan (m)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “pelancongan ke luar negeri” perkataan “selain umrah atau ziarah dan pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah”;

(B) dalam subperenggan (i), dengan memasukkan selepas perkataan “pelancong” perkataan “atau jemaah”;

(C) dengan menggantikan subperenggan (ii) dengan subperenggan yang berikut:

“(ii) dia hendaklah menggunakan Terma dan Syarat Seragam untuk Pakej Pelancongan ke Luar Negeri selain Umrah atau Ziarah dan Pakej Pelancongan ke Luar Negeri bagi Umrah atau

Ziarah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat bagi semua pelancongan ke luar negeri selain umrah atau ziarah, atau pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah yang dikendalikan olehnya dan terma dan syarat itu hendaklah dicetak pada semua brosur pelancongan;” dan

(D) dengan menggantikan subperenggan (iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) dia hendaklah menanggung liabiliti bagi apa-apa pelanggaran terma dan syarat yang dinyatakan dalam brosur pelancongan dan hendaklah membayar pampasan atau membuat bayaran balik kepada pelancong atau jemaah yang berkenaan mengikut terma dan syarat itu, tetapi sekiranya terdapat pertikaian, Pesuruhjaya hendaklah menentukan kuantum pampasan yang hendaklah dibayar atau bayaran balik yang hendaklah dibuat kepada pelancong atau jemaah yang berkenaan daripada wang tunai atau jaminan bank yang disebut dalam subperenggan (i).”;

(b) dalam subperaturan (1A), dengan memasukkan selepas perkataan “Syarat-syarat yang berikut adalah dikenakan ke atas seseorang pengendali pelancongan berlesen” perkataan “bagi pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah”;

(c) dalam subperaturan (1C), dengan memotong takrif “umrah” dan “ziarah”;
dan

(d) dalam subperaturan (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu” dengan perkataan “lima puluh ribu”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “dua tahun” dengan perkataan “lima tahun”.

Peraturan baharu 6B

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6A peraturan yang berikut:

“Penganjuran
Pameran
pelancongan.

6B. (1) Tiada seorang pun boleh menganjurkan apa-apa pameran pelancongan melainkan jika dia telah mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya dan membayar fi pemprosesan sebanyak lima ratus ringgit bagi setiap permohonan bagi kelulusan sedemikian.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pameran pelancongan termasuklah karnival pelancongan, pameran dan ekspo pengembaraan yang dianjurkan di dalam Malaysia yang bertujuan untuk menjual atau mempromosi pakej pelancongan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Penggantian Jadual Kedua

6. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

(Peraturan 4, 7, 8 dan 9)

**PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN
(PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI
PENGEMBARAAN) 1992**

BAHAGIAN I**FI YANG KENA DIBAYAR UNTUK MENDAPATKAN LESEN**

(1) <i>Jenis perniagaan</i>	(2) <i>Tempoh lesen</i>	(3) <i>Fi yang kena dibayar (RM)</i>	
		<i>Lesen</i>	<i>Lesen tambahan</i>
1. Perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri	1 tahun	250.00	150.00
2. Perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri selain umrah atau ziarah	1 tahun	500.00	350.00
3. Perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah	1 tahun	500.00	350.00
4. Perniagaan agensi pengembaraan	1 tahun	200.00	100.00

BAHAGIAN II
FI YANG KENA DIBAYAR UNTUK MEMPERBAHARUI LESEN

(1) <i>Jenis perniagaan</i>	(2) <i>Tempoh lesen</i>	(3) <i>Fi yang kena dibayar (RM)</i>	
		<i>Lesen</i>	<i>Lesen tambahan</i>
1. Perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri	1 tahun	125.00	75.00
	2 tahun	250.00	150.00
	3 tahun	375.00	225.00
2. Perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri selain umrah atau ziarah	1 tahun	500.00	350.00
	2 tahun	1000.00	700.00
	3 tahun	1500.00	1050.00
3. Perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah	1 tahun	500.00	350.00
	2 tahun	1000.00	700.00
	3 tahun	1500.00	1050.00
4. Perniagaan agensi pengembaraan	1 tahun	100.00	50.00
	2 tahun	200.00	100.00
	3 tahun	300.00	150.00".

Pindaan Jadual Keempat

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan kepala Jadual Keempat dengan kepala yang berikut:

“TERMA DAN SYARAT SERAGAM BAGI PAKEJ PELANCONGAN KE LUAR NEGERI SELAIN UMRAH ATAU ZIARAH DAN PAKEJ PELANCONGAN KE LUAR NEGERI BAGI UMRAH ATAU ZIARAH”.

Dibuat 29 Mei 2019
[MOTAC(S).600-1/1/1 JLD.2; PN(PU2)510/IX]

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSTRY (TOUR OPERATING BUSINESS AND TRAVEL AGENCY BUSINESS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Tourism Industry Act 1992 [*Act 482*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) (Amendment) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 1 June 2019.

Substitution of regulation 2

2. The Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) Regulations 1992 [*P.U. (A) 333/1992*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 2 the following regulation:

“Interpretation. 2. In these Regulations—

“*umrah*” means visiting *Baitullahilharam*, performing the *tawaf, sa’i* and other related acts;

“*ziarah*” means a journey to the places specified in an *umrah* or a *ziarah* package, made before or after the performance of *umrah*”.

Amendment of regulation 5

3. Subregulation 5(2) of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) an outbound tour operating business other than *umrah* or *ziarah*”;

(b) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(ba) an outbound tour operating business for *umrah* or *ziarah*”;

(c) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) travel agency business;” and

(d) in paragraph (d), by inserting after the word “(b)” the words “, (ba)”.

Amendment of regulation 6

4. Regulation 6 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by inserting after paragraph (g) the following paragraph:

“(ga) a licensee shall apply to the Commissioner for approval to appoint any person who is not amongst its staff to promote tourism packages offered by the licensee and shall pay a processing fee of fifty ringgit for such application for each person;”;

(ii) by substituting for paragraph (l) the following paragraph:

“(l) a licensee shall not exhibit or cause or permit to be exhibited any advertisement—

(i) that is misleading the public;

(ii) that is misleading in relation to the image of the country; and

(iii) that tarnishes the image of the country;” and

(iii) in paragraph (m)—

(A) by inserting after the words “outbound tours” the words “other than *umrah* or *ziarah* and outbound tours for *umrah* or *ziarah*”;

(B) in subparagraph (i), by inserting after the word “tourists” the words “or pilgrims”;

(C) by substituting for subparagraph (ii) the following subparagraph:

“(ii) he shall use the Standard Terms and Conditions for Outbound Tour other than *Umrah* or *Ziarah* and Outbound Tour for *Umrah* or *Ziarah* Packages as specified in the Fourth Schedule for all outbound tours other than *umrah* or *ziarah*, or outbound tours for *umrah* or *ziarah* organized by him and such standard terms and conditions shall be printed on tour all brochures;” and

(D) by substituting for subparagraph (iii) the following subparagraph:

“(iii) he shall be liable for any breach of the terms and conditions stated in the tour brochure and shall pay compensation or make a refund to the

tourist or pilgrim concerned in accordance with those terms and conditions, but in the event of a dispute, the Commissioner shall determine the quantum of the compensation to be paid or refund to be made to the tourist or pilgrim concerned out of the cash or bank guarantee referred to in subparagraph (i).”;

(b) in subregulation (1A), by inserting after the words “The following conditions are imposed upon a licensed tour operator” the words “for outbound tours for *umrah* or *ziarah*”;

(c) in subregulation (1C), by deleting the definitions of “*umrah*” and “*ziarah*”; and

(d) in subregulation (2)—

(i) by substituting for the words “ten thousand” the words “fifty thousand”; and

(ii) by substituting for the words “two years” the words “five years”.

New regulations 6B

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 6A the following regulations:

“Organizing
tourism
exhibition.

6B. (1) No person shall organize any tourism exhibition unless he has obtain an approval from the Commissioner and pay a processing fee of five hundred ringgit for each application for such approval.

(2) For the purpose of subregulation (1), a tourism exhibition includes a tourism carnival, travel fair and expo organized within Malaysia aimed at selling or promoting tourism packages.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

Substitution of Second Schedule

6. The principal Regulations are amended by substituting for the Second Schedule the following Schedule:

“SECOND SCHEDULE

(Regulations 4, 7, 8 and 9)

TOURISM INDUSTRY (TOUR OPERATING BUSINESS AND TRAVEL AGENCY BUSINESS) REGULATIONS 1992

PART I

FEES PAYABLE TO OBTAIN LICENCE

	(1) <i>Type of business</i>	(2) <i>Period of licence</i>	(3) <i>Fees payable (RM)</i>	
			<i>Licence</i>	<i>Supplementary licence</i>
1.	Inbound tour operating business	1 year	250.00	150.00
2.	Outbound tour operating business other than <i>umrah</i> or <i>ziarah</i>	1 year	500.00	350.00

3.	Outbound tour operating business for <i>umrah</i> or <i>ziarah</i>	1 year	500.00	350.00
4.	Travel agency business	1 year	200.00	100.00

PART II

FEES PAYABLE TO RENEW LICENCE

	(1) <i>Type of business</i>	(2) <i>Period of licence</i>	(3) <i>Fees payable (RM)</i>	
			<i>Licence</i>	<i>Supplementary licence</i>
1.	Inbound tour operating business	1 year	125.00	75.00
		2 years	250.00	150.00
		3 years	375.00	225.00
2.	Outbound tour operating business other than <i>umrah</i> or <i>ziarah</i>	1 year	500.00	350.00
		2 years	1000.00	700.00
		3 years	1500.00	1050.00
3.	Outbound tour operating business for <i>umrah</i> or <i>ziarah</i>	1 year	500.00	350.00
		2 years	1000.00	700.00
		3 years	1500.00	1050.00
4.	Travel agency business	1 year	100.00	50.00
		2 years	200.00	100.00
		3 years	300.00	150.00".

Amendment of Fourth Schedule

7. The principal Regulations is amended by substituting for the heading of the Fourth Schedule the following heading:

“STANDARD TERMS AND CONDITIONS FOR OUTBOUND TOUR OTHER THAN UMRAH OR ZIARAH PACKAGES AND OUTBOUND TOUR FOR UMRAH OR ZIARAH PACKAGES”.

Made 29 May 2019
[MOTAC(S).600-1/1/1 JLD.2; PN(PU2)510/IX]

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
Minister of Tourism, Arts and Culture